

kaitan dengan alam sekitar, penjagaan kesihatan, pendidikan dan membantu golongan kurang bernasib baik, sektor korporat telah banyak memberi sumbangan, walaupun usaha ini masih boleh dilipatgandakan. Bagi beliau, apabila sektor korporat tampil membantu masyarakat sivil dalam perkara berkaitan perpaduan nasional, ia sebenarnya melabur secara langsung ke arah kestabilan negara dan ini amat penting untuk membantu perniagaan terus berkembang dan merencanakan kegiatan ekonomi. Hal ini demikian kerana usaha menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum di negara ini merupakan cabaran terbesar bagi Malaysia dan menjadi kunci utama bagi kelangsungan hidup rakyat negara ini. Bagi beliau lagi, tidak ada tanggungjawab sosial yang lebih besar daripada memastikan kejayaan negara ini dalam menyatupadukan rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum. Bagi pihak kerajaan pula, usaha murni sektor korporat ini boleh digalakkan dengan pemberian pengecualian cukai dan geran kepada syarikat terbabit.

Kesihatan Mental: Pewarisan Kewarasan Generasi Masa Depan

Revolusi Industri pada kurun ke-18 telah menjadi medan para kapitalisme untuk memaksimumkan keuntungan dengan manipulasi tenaga buruh yang mana buruh dianggap sebagai komoditi yang boleh diperdagangkan. Marx, sebagai seorang pejuang emansipasi buruh berpandangan bahawa sebaik sahaja seorang manusia mulai bekerja, dia bukan sahaja mengubah persekitarannya tetapi turut mengubah dirinya. Dalam konteks ini, Marx merujuk kepada pekerjaan yang bukan sahaja memberi kesan fizikal kepada pekerja tetapi turut mempengaruhi kesihatan mental dan psikologikal pekerja. Peralihan zaman, kepesatan ekonomi moden dan kederasan perubahan teknologi mendedahkan pekerja bahaya pekerjaan bentuk baru. Perubahan teknologi itu sendiri misalnya, menuntut para pekerja untuk bersedia mengadaptasi cara kerja seiring dengan keperluan semasa mengakibatkan ada pekerja mengalami tekanan. Senario ini telah dibuktikan lewat limpahan penyelidikan berkaitan tekanan kerja baik di peringkat lokal mahupun antarabangsa.

Isu buli di tempat kerja juga menjadi suatu fenomena yang sekian lama wujud, cuma di Malaysia fenomena ini agak senyap meskipun telah diwujudkan Garis Panduan Menangani Isu Keganasan dan Tekanan di Tempat Kerja (2001). Menyedari hakikat ini, Tan Sri Lee Lam Thye selaku Ahli Majlis Penasihat Penggalakan Kesihatan Mental menegaskan keperluan untuk memberi prioriti terhadap isu kesihatan mental khususnya tekanan mental, seterusnya menyarankan agar ia dijadikan sebahagian daripada agenda utama kesihatan nasional berkaitan isu-isu kesihatan yang perlu ditangani. Menurut beliau lagi, masalah kesihatan mental terutamanya yang berkaitan tekanan mental hendaklah ditangani segera supaya stres, kemarahan dan keganasan, kemurungan dan cubaan bunuh diri dapat dielakkan.



Penggalakan kesihatan mental di peringkat nasional.

Berdasarkan data di Malaysia didapati bahawa prevalens masalah kesihatan mental dalam kalangan orang dewasa telah meningkat ke 11.2% dalam tahun 2006 berbanding 10.6% dalam 1996 dan prevalens masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja adalah 20.3% berbanding 13.0% dalam 1996. Fakta ini adalah sesuatu yang agak membimbangkan memandangkan generasi muda adalah bakal pemimpin masa depan. Justeru, langkah-langkah pencegahan sewajarnya diambil bagi menangani permasalahan ini. Menurut beliau, promosi kesihatan mental boleh diperkenalkan di sekolah untuk menyediakan pelajar-pelajar menghadapi tekanan mental di sekolah dan kaedah penanganannya dengan baik, terutamanya semasa menduduki peperiksaan. Antara aktiviti untuk mempromosikan kesihatan mental yang boleh dilakukan di sekolah termasuklah meningkatkan pemahaman mengenai kesihatan mental dalam kalangan warga sekolah melalui sesi ceramah, pameran dan kuiz atau pertandingan yang boleh dilakukan sebagai aktiviti kurikulum tambahan yang melibatkan PIBG dan kelab-kelab sekolah.

Selain itu, lebih ramai kaunselor yang terlatih dengan kemahiran dan teknik untuk memimpin dan membantu pelajar-pelajar menangani masalah tekanan atau stres sangat diperlukan. Isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar perlu ditangani segera. Sekiranya mereka tidak mendapat bantuan, negara kita akan menanggung beban satu generasi yang menghadapi masalah kesihatan mental yang serius dalam suasana persaingan global yang kian meningkat.

Beliau turut berpendapat bahawa sistem persekolahan yang berorientasikan peperiksaan menyebabkan tekanan daripada ibu bapa ke atas anak-anak untuk berjaya di sekolah. Oleh yang demikian, ibu bapa disarankan agar menerapkan sikap mempercayai diri sendiri kepada anak-anak supaya kegagalan atau kekecewaan dapat dilihat sebagai peluang untuk mencuba lagi dan bukan sebagai kekurangan atau kelemahan diri. Pendidikan dan promosi ke atas kesihatan mental yang bertujuan mengekang peningkatan masalah psikososial dalam kalangan masyarakat adalah amat penting, selari dengan aspirasi untuk menjadi negara maju

yang sudah semestinya akan memberi tekanan hebat untuk menjalankan tanggungjawab dalam kehidupan seharian.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye turut mendedahkan angka yang dilaporkan oleh Pendaftaran Bunuh Diri Kebangsaan Malaysia (NSRM) menunjukkan bahawa 1,156 orang telah mengambil kehidupan mereka sendiri dari 2007 hingga 2010. Keadaan ini memerlukan pendekatan yang lebih holistik untuk menangani masalah tersebut. Beliau berkata, satu pelan holistik termasuk memperbaiki sistem pengawasan ke atas tingkah laku membunuh diri, meningkatkan pengesanan awal gangguan mental dan kecenderungan untuk membunuh diri serta rawatan gangguan mental seperti kemurungan. Di samping itu, pelan tindakan tersebut turut melihat kepada cara-cara untuk memupuk kerjasama dalam kalangan pelbagai agensi ke arah meningkatkan pencegahan bunuh diri selain menyokong promosi kesihatan mental. Satu proses peningkatan kapasiti dalam kalangan *stakeholders* seperti penyedia penjagaan kesihatan utama, guru, kaunselor, pejuang kebakaran, polis dan pegawai penjara akan dijalankan. Antara lain, ia juga menggalakkan lebih banyak penyelidikan mengenai tingkah laku yang membunuh diri dan media bertanggungjawab melaporkan tentang bunuh diri dan usaha untuk mengurangkan akses kepada cubaan membunuh diri. Seterusnya, pihak media perlu memainkan peranan penting bagi memberikan maklumat yang betul kepada orang ramai mengenai kesihatan mental, faktor-faktor risiko membunuh diri dan usaha ahli keluarga dan rakan-rakan yang mungkin boleh membantu. Barisan hadapan perlu dilatih dan mempunyai kemahiran untuk mengesan tingkah laku membunuh diri ini. Kementerian Kesihatan juga perlu bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran bagi menggalakkan kesihatan mental di sekolah-sekolah dengan menerapkan minda yang sihat.